

Umum sembilan insentif baru

Putrajaya: Sembilan insentif baru diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak semalam adalah manifestasi penghargaan kerajaan kepada kira-kira 1.6 juta penjawat awam yang bekerja meletakkan negara pada landasan yang kukuh.

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) Datuk Azih Muda, berkata tidak semua orang dapat mengecapi manfaat yang diperoleh penjawat awam, justeru golongan itu sangat bersyukur dan berterima kasih atas penghargaan yang diberikan kerajaan.

Sebagai contoh, beliau berkata, Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) sebanyak tiga kali iaitu pada 2013, 2016 dan 2018 yang dinikmati penjawat awam ketika ini tidak pernah diperoleh ketika dahulu



AZIH

selain insentif lain yang menjamin kebajikan mereka.

"KGT ini adalah satu penghargaan di atas pencapaian produktiviti yang disumbangkan penjawat awam kepada organisasi mereka.

"CUEPACS berasa amat terharu dan dihargai atas pengumuman dibuat oleh Perdana Menteri pada hari ini," katanya selepas Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) Ke-16 di sini, semalam.